

11/03/2003

Konsep hijrah era moden

Saidul Amin

ULAMA membahagikan hijrah kepada tiga kategori iaitu:

* Hijrah makani

Hijrah makani bermakna hijrah dari satu tempat ke tempat lain, seperti dilakukan oleh Rasulullah saw dan para sahabat. Mereka meninggalkan Makkah

menuju Madinah dengan menempuh pelbagai dugaan dan rintangan.

Berdasarkan

hadis, hijrah dalam bentuk ini berakhir selepas fath-al-Makkah atau penaklukan kota Makkah.

* Hijrah nafsiyah

Hijrah nafsiyah adalah perpindahan kerohanian atau jiwa manusia.

Perpindahan sikap seorang manusia daripada kafir kepada beriman. Perpindahan manusia yang bergelumang maksiat kepada insan yang taat beribadat kepada Allah. Atau perpindahan masyarakat tradisional kepada masyarakat maju, yang beriman dan berwawasan.

Hijrah dalam bentuk ini, tiada akhirnya, sebagaimana sabda Rasulullah, maksudnya: "Tidaklah habis kewajiban untuk hijrah sebagaimana tidak pernah

tertutup ruang untuk bertaubat. Sebab taubat itu baru ditolak selepas terbit matahari dari sebelah barat." (Hadis riwayat Abu Dawud).

Dalam hadis lain, Rasulullah bersabda, yang bermaksud: "Orang yang berhijrah itu, adalah mereka yang meninggalkan perbuatan dosa." (Hadis riwayat Ahmad).

Maknanya, hijrah nafsiyah adalah perubahan sikap hidup manusia dari semua bentuk kemurkaan dan kemaksiatan kepada ketaatan kepada Allah.

Hijrah seperti inilah yang semestinya diamalkan oleh Muslim, supaya setiap

hari, mereka semakin hampir kepada Allah dan semakin jauh daripada

pujukan

syaitan.

* Hijrah amaliyah

Hijrah amaliyah dikatakan juga hijrah akhlak, iaitu mengubah sikap dan perilaku kepada yang lebih baik. Ertinya, pada tahun baru hijrah ini, setiap orang perlu membaharui hubungan baik sesama insan.

Dalam Islam hubungan sesama manusia ini menduduki tempat yang istimewa hingga Allah tidak dapat mengampuni dosa sesama manusia, sehingga orang itu meminta maaf kepada pihak yang berkenaan.

Dalam al-Quran, Allah mengingatkan bahawa, kebahagiaan manusia itu terletak pada dua unsur. Pertama, bagaimana dia menjaga hubungan baiknya dengan Allah (habl min Allah). Kedua, bagaimana pula dia berhubungan

baik

dengan sesama manusia (habl min al-Nas)

Oleh itu, setiap individu perlu melakukan hijrah amaliyah atau akhlak, dengan memperbaiki dan lebih memesrakan hubungan persahabatan dan persaudaraan sesama Muslim.

Kalimah hijrah itu sendiri bermaksud perubahan sikap manusia dan pembentukan insan yang bertakwa. Mereka yang berhijrah melakukan perpindahan dari alam mazmumah (tercela) kepada dunia mahmudah

(terpuji).

Ini juga berdasarkan hadis Rasulullah, yang bermaksud : "Orang yang berhijrah adalah mereka yang meninggalkan apa yang dilarang Allah."

(Hadis

riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam konteks dunia moden hari ini, kita dapati bahawa masih wujud pelbagai contoh dan iktibar hijrah yang relevan untuk perjuangan umat Islam semasa. Konsep hijrah itu sendiri perlu diperbaharui.

Misalnya, semangat hijrah dapat dilaksanakan dalam bentuk lain, tetapi tetap memiliki tujuan yang sama ke arah memperkukuhkan jati diri umat.

Di

antara aspek itu ialah:

* Hijrah ekonomi

Pada hari ini, dolar Amerika Syarikat adalah alat utama dalam perdagangan antarabangsa. Dominasi dolar terhadap mata wang lain memberi kesan kurang baik terhadap ekonomi negara membangun.

Untuk itu, dunia sebenarnya memerlukan satu mata wang alternatif yang lebih stabil dan bernilai. Cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggunakan dinar adalah satu pemikiran bernas. Ia bertujuan memperkukuhkan ekonomi negara-negara Islam secara merujuk semula

kepada mekanisme perniagaan Islam, yang digunakan pada zaman Rasulullah dan khalifah Islam, iaitu mata wang dinar dan dirham.

Justeru, bagi menyahut semangat hijrah ini, umat Islam, di samping melaksanakan hijrah kerohanian, perlu juga melaksanakan hijrah ekonomi dengan mengembalikan perekonomian umat kepada sistem perekonomian Islam.

* Hijrah ilmu pengetahuan

Setiap negara memiliki strategi dan sistem pendidikan tersendiri, berdasarkan keperluannya. Sebagai negara Islam, Malaysia tentu tidak akan

mengetepikan pendidikan Islam sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan nasional.

Hijrah dalam bidang ilmu pengetahuan bermakna, perpindahan dari sistem kurang baik kepada lebih baik, sehingga sistem itu akan menghasilkan anak

bangsa yang beriman dan berwawasan.

Pada hari ini, umat Islam masih dikategorikan sebagai umat lemah, bodoh, miskin dan terkebelakang. Ini berbeza sekali dengan wajah Islam sebenar, di mana ilmu pengetahuan dianggap sesuatu yang mesti dimiliki. Malah, belajar itu adalah kewajipan yang dituntut bagi setiap Muslim.

Peringatan hijrah semestinya mampu memberi galakan kepada setiap Muslim

untuk lebih aktif dalam menerokai ilmu pengetahuan dan teknologi.

Di antara cara mendalami ilmu pengetahuan pada hari ini adalah dengan menambah kemahiran berbahasa asing dan mendalami bahasa ilmu

pengetahuan,

tanpa melupakan bahasa ibunda. Ini disebabkan adalah sukar untuk menerokai

ilmu pengetahuan dalam bahasa lain, tanpa menguasai bahasa itu.